

18 AUG 1999

Mahathir-Gempa bumi

M'SIA UCAP TAKZIAH KEPADA RAKYAT TURKI

KHABAROVSK, 18 Ogos (Bernama) -- Malaysia mengucapkan takziah dan menyampaikan rasa simpati kepada rakyat Turki yang menderita akibat kejadian gempa bumi yang melanda wilayah Barat Laut negara itu, semalam.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang terkejut dengan kejadian itu berkata kerajaan Malaysia akan memberi apa sahaja bentuk bantuan kepada mangsa bencana alam itu.

"Saya terkejut mendengar kejadian gempa bumi yang berlaku di Turki semalam. Terimalah ucapan takziah dan simpati daripada kerajaan dan rakyat Malaysia atas tragedi dan kehilangan nyawa ini," katanya dalam satu perutusan kepada Perdana Menteri Turki Bulent Ecevit di sini, sebelum berlepas ke China.

Gempa bumi berukuran 6.7 pada skala Richter, berlaku pada pukul 3.02 pagi (8.02 pagi waktu Malaysia) di Izmit berhampiran Laut Marmara, selama 45 saat.

Lebih daripada 1,000 orang terbunuh dan beribu-ribu lagi cedera.

Gegaran turut dirasakan di bandar-bandar berhampiran iaitu Istanbul, Bursa dan Sakarya dan juga dirasakan di ibu negerinya Ankara, kira-kira 600km jauhnya selain Anatolian di wilayah Kayseri.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia turut berdoa bersama rakyat di negara itu ketika usaha menyelamatkan mangsa diteruskan dan kerja-kerja pembinaan semula dilakukan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar yang mengiringi Dr Mahathir turut menghantar mesej yang sama kepada rakan sejawatannya Ismail Cem.

Syed Hamid berkata beliau amat sedih dengan kejadian itu.

"Saya berdoa semoga Allah memberi kekuatan dan semangat kepada mereka yang dilanda tragedi itu bagi membina semula kehidupan," katanya.

-- BERNAMA

AU LAT RON